

2
KOSMO!

VARIA!



اِنْسْتِیْتُوْتْ قَرْوَفِیْتِیْمَلْ بَیْتِ لَمَالْ
INSTITUT PROFESIONAL BAITULMAL

Teladan IPTS cemerlang

Di sebalik kemelut dan isu kegagalan banyak IPTS terutamanya dengan label tempatan yang gagal beroperasi dengan baik, Institut Profesional Baitulmal membuktikan sebaliknya.

Oleh NABILAH SALEH

PENUBUHAN Institut Profesional Baitulmal (IPB) memberikan satu lagi pilihan kepada lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk melanjutkan pelajaran.

Ditubuhkan pada 23 April 1992, IPB adalah antara institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) tempatan yang berperanan menghasilkan golongan profesional Bumiputera khususnya di dalam bidang perakaunan.

Di sebalik kesederhanaan pengurusan dan proses pembelajaran IPB berbanding IPTS tempatan yang lain, IPB telah berjaya melahirkan kira-kira 4,000 siswazah berkualiti setelah 16 tahun beroperasi.

"Pelbagai catatan sejarah dan kejayaan dilakar oleh institusi pengajian ini," kata Ketua Eksekutif IPB, Rosli Kari.

Antaranya, IPB menerima anugerah Kolej Bersekutu Terbaik oleh Fakulti Perakaunan Universiti Teknologi Mara (UiTM) selama enam tahun berturut-turut sejak 2001.

Institut itu juga menerima anugerah kolej yang mempunyai peratusan kelulusan diploma perakaunan tertinggi, Anugerah Dekan terbanyak dan anugerah pelajar terbaik Lembah Klang dari UiTM.

Anugerah-anugerah yang berjaya dirangkul IPB membuktikan institusi seperti ini mampu menghasilkan pelajar Melayu berdaya saing bukan sahaja di peringkat kebangsaan tetapi juga di peringkat antarabangsa.

Pengiktirafan dunia juga diperoleh IPB menerusi pelajarannya, Rasmawati

Ali, pelajar kursus LCCI Level Dua yang meraih Anugerah World Silver Medal bagi subjek Pengiraan Bisnes.

Anugerah ini merupakan anugerah pelajar kedua terbaik seluruh Komanwel yang memperoleh markah tertinggi untuk subjek tersebut.

Terbaru, pelajar Awang Mokhtar dan Nur Adima Adam sekali lagi mengharumkan nama IPB di peringkat dunia apabila merangkul pingat emas dan perak dalam anugerah yang dikeluarkan oleh LCCI.

Rosli menjelaskan konsep dan budaya seluruh warga IPB bekerja adalah ibarat menjalankan satu ibadah yang sentiasa

diberi penekanan di dalam perjumpaan bulanan bersama kakitangan dan pelajar IPB.

Kakitangan akademik IPB sering diingatkan bahawa mereka bukan sahaja mendapat gaji bulanan tetapi juga ganjaran yang berterusan di akhirat kelak, hasil mendidik anak bangsa yang rata-ratanya kurang berkemampuan.

Selaku Ketua Eksekutif yang bertanggungjawab terhadap kelancaran pengurusan di IPB, Rosli sangat menitikberatkan keperluan dan kebajikan kakitangan serta pelajar.

Pemberian bonus dan peningkatan kadar perubatan dan insurans

kakitangan adalah antara kebajikan warga kerja yang dijaga rapi oleh pihak IPB, jelasnya.

"Aspek ini diambil kira supaya kakitangan akan bekerja di dalam suasana yang merasa dihargai supaya mereka akan bekerja dengan lebih baik dan produktif. Para pelajar juga tidak akan merasa terabai dan dapat meneruskan pengajian seharian di kampus," tambahnya.

IPB yang berdaftar di bawah Kementerian Pengajian Tinggi dan diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) merupakan anak syarikat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP).

"Sepanjang pengajian pelajar di sini, IPB sentiasa memantau prestasi pelajar. Pelbagai program diadakan termasuklah Program Ibnu Sina.

"Program ini antara lain adalah untuk memperkasa, merancang dan melaksana pembangunan pelajar supaya ada peningkatan pencapaian akademik dan sahsiah diri dalam diri pelajar," katanya.

Sehubungan itu, setiap semester pengajian di IPB, Hari Bertemu Pelanggan dianjurkan di mana ibu bapa pelajar akan hadir ke IPB untuk menemui tenaga pengajar.

Pada hari tersebut, ibu bapa dan tenaga pengajar akan berbincang dan menilai prestasi serta mengenal pasti punca kelemahan pelajar.

Menurut Rosli, lebih 80 peratus lepasan IPB telah mendapat pekerjaan, terutama graduan LCCI yang telah mengisi jawatan-jawatan penting di syarikat-syarikat swasta seperti Tenaga Nasional Berhad, MISC, Petronas, Shell, bank-bank dan syarikat swasta lain.

- Bernama



IPB berjaya melahirkan kira-kira 4,000 siswazah berkualiti setelah 16 tahun beroperasi.